

Amway

pursueTM

hand sanitizer



Melindungi

keluarga anda daripada
musuh yang tidak kelihatan



Perlindungan Menyeluruh

Setiap Masa, Di Mana Jua.

Adakah tangan anda benar-benar bersih? Kita menjalani kehidupan seharian di dunia ini dengan lima deria kita tetapi deria yang paling kerap digunakan adalah deria sentuhan. Kita membuka pintu, menjamah makanan dan menggunakan telefon pintar setiap hari. Tangan kita menyentuh pelbagai permukaan setiap hari sehingga sukar untuk mengingatkannya kembali!

Aktiviti harian boleh meninggalkan kuman dan bakteria yang tersembunyi pada tangan anda yang tidak boleh dibersihkan dengan menggunakan sabun tangan semata-mata.

Kuman dan Bakteria yang Lazim


E. coli

- Berpunca daripada **bersentuhan** dengan **orang yang tidak membersihkan tangan**, mengambil **makanan yang tercemar** dan **air yang tidak bersih**.
- Menyebabkan **kejang perut**, **rasa loya**, **muntah**, **cirit-birit** dan **demam**.



Streptococcus pyogenes (sakit tekak)

- Berpunca daripada **menyentuh objek tercemar** seperti tombol pintu atau **menyentuh muka, mata dan mulut tanpa membersihkan tangan anda**.
- Menyebabkan **jangkitan tekak** seperti **faringitis**, **tonsilitis** dan **demam skarlet**.





Myobacterium tuberculosis

- Bakteria yang **sangat mudah berjangkit** akibat **terdedah kepada individu yang dijangkiti**.
- Menyebabkan **tuberculosis (batuk kering)**, **jangkitan paru-paru yang serius**.

Staphylococcus aureus

- Jangkitan 'Staph' tersebar apabila bersentuhan **dengan individu yang telah dijangkiti** dan **tidak mengamalkan penjagaan kebersihan tangan** secara konsisten.
- Menyebabkan **jangkitan kulit**, **rasa loya**, **muntah**, **cirit-birit**, **demam** dan **sakit tubuh badan**.



Kebersihan tangan yang betul sangat penting bagi mencegah dan membunuh kuman serta bakteria berjangkit ini. Jika anda bersiar-siar di luar dan tiada akses kepada air dan sabun, penyelesaian terbaik adalah:

3S Pensanitasi Tangan PURSUE

S Selamat (Safe)

Pensanitasi Tangan PURSUE mengandungi 64-68% (W/W) etanol. Kandungan etanol pada tahap 50-80% adalah yang disarankan untuk membunuh bakteria secara berkesan. PURSUE mengandungi peratusan etanol yang cukup tinggi untuk mensanitisasi tangan anda tanpa melarut atau menyejat terlalu cepat.



S Lembut (Soft)

Pati Aloe semula jadi memastikan tangan anda kekal lembap dan lembut selain membunuh kuman, parasit dan bakteria pada permukaan kulit.

S Licin (Smooth)

Anda bencikan kesan melekit pensanitasi tangan yang ada di luar sana? PURSUE dicipta menggunakan formula gel jernih yang menyerap ke dalam kulit, tidak meninggalkan apa-apa selain tangan yang bersih dan haruman yang menyenangkan.

Bila Waktunya Untuk Mensanitisasi Tangan Anda

Anda perlu mensanitisasi tangan anda sebelum/selepas:

Menyentuh mata, hidung atau mulut



Menyentuh apa-apa permukaan di tempat awam



Batuk, bersin atau menghembus hidung anda



Menggunakan tandas



Menyediakan/ menjamah makanan



Membuang sampah



Menyentuh haiwan peliharaan atau liar




Cara menggunakan pensanitasi tangan




Tuangkan pensanitasi bersaiz duit syiling di atas tapak tangan anda.



Gosokkan kedua-dua tapak tangan anda untuk meratakan pensanitasi tersebut dengan sekata.



Teruskan menggosok pada bahagian atas kedua-dua tangan anda pula sehingga betul-betul kering.



Kini tangan anda sudah bersih daripada kuman!

Soalan-soalan Lazim: Pensanitasi Tangan Pursue

S Adakah Pensanitasi Tangan PURSUE diiktiraf FDA?

J Pensanitasi Tangan PURSUE dihasilkan dan dipasarkan di China dan tidak memerlukan pengiktirafan FDA.

S Bagaimanakah etil alkohol, komponen teras Pensanitasi Tangan PURSUE berfungsi sebagai penyahjangkit?

J Pensanitasi Tangan PURSUE mengandungi 64-68% etil alkohol yang menembusi lapisan bakteria di atas permukaan tangan anda, menyahagikan protein dan menyebabkan bakteria mati. Oleh itu, ia adalah penyahjangkit kuman yang sangat berkesan.

S Adakah aroma Pensanitasi Tangan PURSUE datang dari haruman semula jadi atau kimia/sintetik?

J Formula haruman dan sebatian harum adalah rahsia perdagangan syarikat. Oleh itu, maklumat ini adalah sulit. Namun, dari sudut pandangan yang lebih luas, sesuatu haruman biasanya mengandungi beberapa atau bahkan berdozen sebatian harum. Sesetengah sebatian ini adalah semula jadi manakala yang selebihnya adalah sintetik. Haruman yang sepenuhnya semula jadi atau sintetik adalah sangat jarang ditemui. Oleh itu, kita tidak boleh melabelkan sesuatu haruman itu sebagai semula jadi atau sintetik. Begitu juga dengan formulasi haruman yang digunakan dalam Pensanitasi Tangan PURSUE.

Haruman yang digunakan oleh syarikat kami mematuhi sepenuhnya garis panduan dan syarat-syarat IFRA (International Fragrance Association). Tidak ada perbezaan dari segi keselamatan antara kedua-dua haruman semula jadi dan haruman sintetik yang digunakan. Oleh itu, haruman yang kami gunakan adalah selamat untuk kesihatan manusia, jika produk tersebut digunakan mengikut arahan.

S Berapakah jumlah Pensanitasi Tangan PURSUE yang patut saya gunakan setiap kali?

J Bagi golongan dewasa, saiz duit syiling sudah mencukupi untuk membunuh bakteria secara menyeluruh. Bagi kanak-kanak, jumlahnya boleh dikurangkan dengan sewajarnya.

S Pensanitasi Tangan PURSUE sesuai untuk kulit jenis apa?

J Pensanitasi Tangan PURSUE sesuai dengan pelbagai jenis kulit tetapi sesiapa yang mempunyai alahan atau kulit yang sensitif terhadap alkohol hendaklah menggunakannya dengan berhati-hati.

